

Newspaper	Berita Harian
Date	4 June 2015

'Najib banyak bantu majukan Sarawak'

Kuching: Sumbangan Datuk Seri Najib Razak cukup besar dalam membawa kemajuan kepada Sarawak, sekali gus mengubah landskap sosioekonomi rakyat negeri itu.

Ketua Menteri, Tan Sri Adenan Satem, berkata sejak mengambil alih teraju kepemimpinan negara, agenda pembangunan negeri ini sentiasa diberikan keutamaan Perdana Menteri, terutama di kawasan pedalaman dan luar bandar.

"Anda (Najib) adalah Perda-

na Menteri paling banyak membantu membangunkan negeri ini berbanding mereka (Perdana Menteri) terdahulu.

Banyak projek pembangunan

"Di bawah kepemimpinan anda, rakyat negeri ini mencapai pelbagai projek pembangunan, termasuk Projek Lebuh Raya Pan Borneo yang disifatkan sebagai projek kejuruteraan terhebat," katanya di sini, malam tadi.

Adenan berkata, seperti di

Semenanjung yang mempunyai rangkaian lebuhraya moden, rakyat negeri ini juga berkehendakkan kemudahan sama dan hasrat itu berjaya ditunaikan oleh Najib.

"Kita menunggu lebih 50 tahun untuk mendapatkan kemudahan itu... orang itu sepanjang 22 tahun mentadbir negara ini pun tidak mampu merealisasikan impian itu, namun anda berjaya menunaikannya," katanya.

Sementara itu, Adenan me-

nyatakan sokongan tidak berbelah bahagi terhadap kepemimpinan Najib di sebalik pelbagai isu yang menghimpit pemimpin itu.

"Jangan bimbang kerana anda (Najib) tidak berseorangan (dalam perjuangan ini). Banyak (pembangunan) yang sudah anda lakukan kepada Sarawak, lebih banyak dari Perdana Menteri terdahulu.

"Rakyat Sarawak amat bersyukur dan menghargai apa yang sudah anda lakukan," katanya.